

**KAJIAN PENGGUNAAN METAFORA BERKAITAN ISU
KOMENTAR SOSIAL DALAM PENGHASILAN
CATAN GAYA POP SUREALISME**

**HIDAYATULLAH BIN HAMZAH
C17B0058**

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Kajian Penggunaan Metafora Berkaitan Isu Komentar Sosial
Dalam Penghasilan Catan Gaya Pop Suralisme**

**HIDAYATULLAH BIN HAMZAH
C17B0058**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperoleh ijazah Sarjana muda
(Teknologi Kreatif) dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nikilan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama Pelajar :

No. Matriks :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia :

Cop :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah Yang Maha Esa kerana saya telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Terlebih dahulu jutaan terima kasih kepada penyelia iaitu Dr. Yuhanis Bin Ibrahim memberikan tunjuk ajar di dalam menyiapkan penyelidikan akademik ini. Segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau yang menjadi bekal pada masa hadapan semoga bermanfaat.

Tidak ketinggalan, saya mengucapkan terima kasih kepada adik-beradik dan kawan-kawan saya yang memberi perkongsian maklumat dalam menyiapkan penyelidikan ini secara langsung dan tidak langsung. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan di media sosial yang sering membantu kongsi maklumat yang berkaitan kajian saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga tercinta atas kesabaran mereka dan sokongan yang tidak kesudahan. Akhirnya, saya ingin meminta maaf atas kelemahan saya dan kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan projek ini, sangat berguna bagi saya.

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
ABSTRAK	
ABSTRACT	
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.2 PERYATAAN MASALAH KAJIAN	3
1.3 PERSOALAN KAJIAN	8
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	9
1.5 SKOP KAJIAN	10
1.6 HIPOTESIS KAJIAN	11
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 PENGENALAN	13
2.2 METAFORA	13
2.3 KOMENTAR SOSIAL	17
2.4 POP SUREALISME	19
2.5 MEDIA CAMPURAN	22
2.6 MODEL KRITIKAN FELDMAN	24
2.7 TEORI SEMANTIK (LOGIK SIMBOLIK)	26
2.8 ARTIS RUJUKAN	28
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.1 PENGENALAN	29
3.2 JENIS DATA	31
3.2.1 DATA SEKUNDER	31

3.2.2	KAEDAH SOAL SELIDIK	31
3.3	ANALISIS DATA	32
3.4	KERANGKA TEORITIKAL	33
3.5	RAJAH PROSES KAJIAN PENYELIDIKAN	34
3.6	RAJAH CARTA ALIR KAJIAN PENYELIDIKAN	35
BAB 4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	PENGENALAN	36
4.2	HASIL ANALISIS DATA DARIPADA KARYA-KARYA POP SUREALISME YANG MENGANGKAT ISU KOMENTAR SOSIAL DENGAN MENGGUNAKAN TEORI KRITIKAN FELDMAN	37
4.3	PROSES MENGHASILKAN KARYA	53
4.4	KENYATAAN ARTIS	61
4.4.1	MAKSUD DISEBALIK KARYA	62
4.5	HASIL SOAL SELIDIK BERDASARKAN KARYA PERIBADI	64
4.5.1	BAHAGIAN A	64
4.5.2	BAHAGIAN B	68
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	MANFAAT KAJIAN	78
5.2	RUMUSAN	79
RUJUKAN		81

SENARAI RAJAH

	Halaman
1.1 Keratan akhbar yang diambil daripada Berita Harian bertarikh 19 September 2017 tentang masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat	5
2.1 Kenny Scharf – “Happy Happy Joy Joy”, 2017, cat minyak dan akrilik di atas linen.	20
2.2 Pablo Picasso – “Bottle of Vieux Marc, Glass, Guitar and Newspaper”, 1913	22
3.1 Menunjukkan carta alir kerangka teoretikal dalam proses menghasilkan karya dan hasil dapatan kajian.	33
3.2 Proses kajian penyelidikan	34
3.3 Carta alir kajian penyelidikan	35
4.1 Visithra Manikam - Our Malaysia	38
4.2 Shafiq Nordin - The Great Denier, 2016	41
4.3 Hasanul Isyraf - Tajuk Parasoul, 2014	44
4.4 Konam Lim - “Will You Miss Me Someday?”, 2019	47
4.5 Ruzzeki Harris - Imprisoned, 2016 - Oil & Spray Paint on Canvas, 130cm x 130 cm	50
4.3.1 Lakaran idea pertama	54
4.3.2 Lakaran idea kedua	54
4.3.3 Proses menghasilkan latar belakang lukisan dengan menggunakan cat spray.	56
4.3.4 Hasil latar belakang yang telah siap disembur dan dipercikkan dengan menggunakan cat spray	56
4.3.5 Proses melakar awal dengan menggunakan media pensil dan pen maker	57
4.3.6 Proses awal menwarna, memasukkan warna yang cerah dan kemudian ditindih dengan warna yang gelap untuk memberikan kesan yang kontra dengan menggunakan dua warna ton	58
4.3.7 Proses memasukkan garis luar dan dalam untuk dijadikan sebagai penegas kepada objek depan	59
4.3.8 Kesan bitumen terlihat lebih gelap pada kawasan yang cerah pada subjek bunga dan kuda	59

	Halaman
4.3.9 Hasil catatan karya akhir	60
4.5.1 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi jantina yang menjawab soalan soal selidik di dalam aplikasi “ <i>Google Form</i> ”	65
4.5.2 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi angka umur yang menjawab soal selidik mengikut kumpulan umur yang telah ditetapkan	66
4.5.3 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi dua kategori iaitu golongan seni dan tidak mengetahui tentang seni	67
4.5.4 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden yang menjawab pada soalan 1 di bahagian B	68
4.5.5 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan kedua yang mengenai pengaruh emosi audien berdasarkan karya akhir pengkaji	69
4.5.6 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan ketiga mengenai pengaruh emosi audien berdasarkan karya akhir pengkaji	70
4.5.7 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan keempat	71
4.5.8 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan kelima	72
4.5.9 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan keenam di bahagian B	73
4.5.10 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden menjawab soalan yang ketujuh	74
4.5.11 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan lapan pada bahagian B	75
4.5.12 Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan terakhir yang ada pada bahagian B	76

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan unsur metafora ke dalam isu komentar sosial dalam penghasilan catan Pop Surrealism. Dalam kajian ini, terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji seperti soal selidik, analisis data dan bersertakan dengan beberapa teori untuk mengukuhkan lagi hasil dapatan seperti model kritikan Feldman, teori Ikonografi dan teori Semantik. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah tersebut dapat memudahkan pengkaji untuk mengenalpasti, menganalisis dan mencipta karya peribadi dengan menggunakan unsur metafora di dalam isu komentar sosial. Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat membantu pengkaji untuk menyampaikan idea, mesej dan konsep karya dengan lebih jelas serta efektif dengan menggunakan unsur metafora.

Kata kunci: Catan, Pop Surrealisme, Metafora, Komentar Sosial, Feldman.

Abstract

This study aims to examine the use of metaphorical elements in the issue of social commentary in the production of Pop Surrealism paintings. In this study, there are several methods that have been used by researchers such as questionnaires, data analysis and together with several theories to further strengthen the findings such as Feldman's critique model, Iconographic theory, and Semantic theory. Therefore, using the method can make it easier for researchers to identify, analyze and create personal work by using metaphorical elements in the issue of social commentary. In conclusion, the results of this study can help researchers to convey ideas, messages, and concepts of the work more clearly and effectively by using metaphorical elements.

Keywords: Painting, Pop Surrealisme, Metaphor, Social Commentary, Feldman.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Komentar sosial merupakan salah satu model yang dijadikan sebagai kritikan seni melalui penghasilan karya oleh para pengkarya. Penghasilan karya komentar sosial juga berkait dengan tema atau aliran Pop Surrealism dari segi pengolahan idea yang lebih menarik. Hal ini disebabkan gaya catan Pop Surrealism yang dibentuk mempunyai nilai komentar sosial tersendiri yang ingin disampaikan oleh artis. Selain itu, dengan penghasilan catan Pop Surrealism juga mempunyai cara dan rujukan untuk menghasilkannya dengan memahami tajuk atau isu komentar sosial yang ingin diceritakan. Aristotle turut mencipta istilah "*catharsis*" bermaksud impak emosi hasil melihat atau mendengar serta menghayati karya seni (Kamaruzaman, 2016a). Selain itu, penggunaan unsur metafora juga tidak ketinggalan untuk digunakan oleh pengkarya serta menggunakan emosi yang sedar, isu sosial dan idea mereka untuk menghasilkan karya.

Seterusnya, masyarakat di Malaysia kurang mengambil tahu tentang dunia seni halus yang sentiasa membahaskan isu semasa dengan perkara - perkara yang berkaitan kehidupan seharian di dalam hasil karya. Pengkarya juga mengetengahkan cerita, pemikiran dan proses setiap dalam menghasilkan karya (Kamaruzaman, 2016a). Pengkarya juga menerapkan isu mereka dengan pelbagai jenis aliran dan gaya untuk menyampaikan maklumat dengan baik dan jelas kepada audien. Tetapi, kebiasaan dalam penghasilan catan Pop Surealisme para pengkarya akan mengubah kandungan itu secara metafora untuk menjadikan sesuatu isu lebih menarik perhatian orang ramai yang dapat menimbulkan banyak tanda tanya. Hal ini perlu dikaji dengan lebih teliti agar para audien akan lebih memahami untuk menilai sesuatu hasil seni yang dipersembahkan oleh para karyawan.

Dalam konteks ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap isu komentar sosial dan diselitkan dengan unsur metafora yang digunakan di dalam karya dan menghasilkan sebuah karya media campuran. Penggunaan metafora yang telah dipilih mestilah mempunyai keserasiaan bagi sesuatu penceritaan yang ingin disampaikan sebagai satu simbol perlambangan di sebalik penceritaan atau makna yang ingin disampaikan oleh pengkarya (Davidson, 1978). Tidak hairanlah penggunaan metafora sentiasa digunakan oleh ramai pengkarya sejak dulu sehingga sekarang dijadikan satu subjek penceritaan dalam karya.

1.2 PERYATAAN MASALAH KAJIAN


Pop Surrealism adalah gaya aliran yang semakin berprestij dalam bentuk seni yang mantap di mana dihasilkan oleh kebanyakan para seniman yang baru muncul. Artis Kenny Scharf yang dianggap menjadi "*godfather*" daripada namanya terkenal dengan gaya aliran tersebut. Untuk penjelasan yang lebih lanjut tentang gaya aliran tersebut, Scharf menggambarkan perjalanannya sebagai mengenai alam bawah sedar dan merasa karyanya adalah mengenai alam bawah sedar. Kesedaran yang dimaksudkan olehnya adalah pop dan seni itu secara tidak langsung menjadi Pop Surrealism. Kemudian, pengiat seni pula menggunakan tema dan gaya aliran dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan komen terhadap sesuatu isu sosial, politik dan ekonomi pada kawasan sekeliling mereka yang dikenali sebagai komentar sosial (Kamaruzaman, 2016a).

Selain itu, komentar sosial juga ditakrifkan sebagai tindakan untuk mengekspresikan sesuatu pendapat atau pandangan yang kritikal terhadap kumpulan sosial dan realiti politik yang menggunakan kaedah retorik untuk menimbulkan komentar terhadap sebarang isu masyarakat (Kamaruzaman, 2016b). Perkara sebegini sering dilakukan oleh para karyawan dengan adanya idea untuk melaksanakan atau mempromosikan sesuatu perubahan dengan memaklumkan kepada masyarakat sekeliling tentang masalah yang dihadapi untuk menegakkan keadilan.

Ini juga telah menimbulkan sesuatu perasaan baik mahupun buruk terhadap audien berdasarkan maklumat yang dipaparkan melalui sesuatu karya yang mempunyai maksud tersurat atau tersirat. Menurut Wimmer dan Perry (2015) kajian berikut mendapati:

Komentar sosial wujud selagi masyarakat berada di sekitarnya sentiasa memberi komen atau teguran. Oleh kerana manusia mula berinteraksi dalam kumpulan, isu-isu berkaitan budaya, politik, agama atau aspek lain telah menarik perhatian mereka dan secara tidak langsung mudah tersebar melalui interaksi dalam masyarakat. Ramai orang, terutamanya penulis komentar sosial sendiri merasakan bahawa komentar sosial merupakan salah satu kebajikan sebagai manusia yang penuh dengan keadilan dan berperikemanusiaan. (p. 2)

Melalui pendekatan ini, pengkaji telah mengupas beberapa maklumat dan data yang diperoleh serta menjawab beberapa permasalahan kajian. Terdapat juga beberapa keratan akhbar tentang isu permasalahan berkaitan dengan masalah sosial. Antaranya adalah seperti yang telah ditunjukkan di rajah 1.1. Berdasarkan keratan akhbar pada rajah 1.1 menyatakan satu permasalahan isu sosial dalam kalangan pelajar yang berkaitan dengan penggunaan barang terlarang iaitu dadah. Perbuatan terbabit perlu dipandang serius bagi menghindari masalah ini agar tidak mengulangi perkara itu. Malah, sebarang masalah sosial yang lain juga perlu dititik-beratkan juga seperti masalah adab hidup berjiran dan masalah di laman media sosial antara merupakan isu komentar sosial.



Rajah 1.1: Keratan akhbar yang diambil daripada Berita Harian bertarikh 19 September 2017 tentang masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Oleh demikian, semua pihak perlu berganding bahu mencari inisiatif baharu agar melindungi perkara ini daripada berulang ke generasi seterusnya. Hal ini menimbulkan pelbagai tindakbalas emosi dan ekspresi sesetengah pihak membuatkan para artisan terus berkarya dan mengkritik permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat yang dihadapi untuk memberi kesan sinis atau baik kepada masyarakat.


Pengkaji sedar bahawa komentar sosial boleh menyahut khabar manusia untuk hidup bersama amatlah penting dalam memelihara semua pihak harus bertanggungjawab dan mengambil tindakan. Bak kata peribahasa “bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”. Maka, kajian ini dilakukan untuk menggambarkan nilai murni yang dicerminkan oleh tindakan buruk dengan tindakbalas yang baik kepada para audien. Di sini juga nilai-nilai sopan dan murni dapat diterapkan untuk generasi akan datang.

Seterusnya, daripada pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati isu sosial membuatkan lebih tercabar untuk memberi kritikan secara luahan atau teguran melalui di atas kanvas dengan lebih berekspresi untuk menerapkan unsur permasalahan sesuatu isu dengan teliti demi menyampaikan mesej yang berguna kepada khalayak ramai.


Di samping itu, meluahkan pendapat di atas kanvas juga merupakan suatu pandangan atau luahan rasa dan tidak semestinya diekspresikan secara lisan atau dicoret dengan pena (Kamaruzaman, 2016b). Ini merupakan salah satu kaedah penyampaian oleh artis atau karyawan seni menyampaikan sebarang maklumat dan dikongsi kepada masyarakat umum. Golongan muda pada masa kini lebih bijak memanfaatkan industri kreatif seperti dengan mempersembah idea seni visual mereka sebagai medium untuk menyampaikan pendapat dan cetusan idea yang terlintas dalam fikiran.

Secara keseluruhannya, mereka kelihatan berani dalam meluahkan pendapat mengenai komentar sosial kepada masyarakat umum. Selain itu, luahan pendapat sangat berguna boleh diterapkan dan diperbaiki oleh diri sendiri malah audien dengan nilai-nilai yang baik. Masyarakat kini kurang memberi rangsangan terhadap luahan pengkarya atas


kanvas walaupun hampir setiap bulan galeri seni membuat pameran anjuran artis-artis berlangsung. Ini merupakan cabaran yang cukup penting dalam kalangan masyarakat kita hari ini dek kerana tiada kesedaran untuk menyahut kritikan seni yang ingin disampaikan oleh pengkarya.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Pengkajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui keberkesanan unsur metafora di dalam komentar sosial dengan menggunakan sesuatu isu sosial ke dalam media campuran.

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan unsur metafora yang digunakan oleh pengkarya?
- ii. Bagaimanakah penggunaan unsur metafora di dalam isu komentar sosial melalui gaya catan Pop Surrealism dapat memberi kesan yang positif mahupun negatif terhadap perkembangan sosial dan politik dalam masyarakat sekeliling?
- iii. Adakah karya berbentuk Pop Surrealism masih relevan dalam penghasilan karya seni pada masa kini dengan penggunaan unsur metafora, sarkastik, naratif dan simbolik melalui catan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang didapati dalam kajian penyelidikan ini adalah:

- i. Mengenal pasti penggunaan metafora yang digunakan oleh pengkarya seni dalam menghasilkan catan Pop Surealisme yang menggunakan isu komentar sosial ke dalam karya.
- ii. Menganalisis unsur metafora dalam karya-karya Pop Surealisme yang mengangkat isu komentar sosial.
- iii. Menghasilkan karya dari kajian keberkesanan penyampaian makna melalui penggunaan unsur metafora ke dalam sesuatu isu komentar sosial yang berkaitan untuk diterapkan ke dalam media campuran dengan mengayakan catan Pop Surealisme.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dibuat dalam skop penghayatan pengaplikasian penggunaan unsur metafora ke dalam sesebuah karya dengan menggunakan sesuatu isu komentar sosial. Hal ini akan memudahkan penulis untuk mengkaji skop kajian yang dijalankan. Dengan mengkaji penggunaan metafora di dalam catan, penulis dapat mempelajari dan memahami serba sedikit ilmu baharu mengenai metafora dan komentar sosial dalam menghasilkan karya media campuran dalam gaya Pop Surrealism. Pengkaji turut menggunakan haiwan atau binatang dan serangga dijadikan sebagai subjek utama di dalam penghasilan karya untuk dikaitkan dengan sesuatu isu sosial.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dikenal pasti, terdapat beberapa spekulasi telah dibuat mengenai kajian penyelidikan ini. Antaranya ialah:

- i. Unsur metafora merupakan sesuatu perkara atau objek yang mempunyai nilai samaran dengan sesuatu perkara yang ingin ditunjukkan kepada seseorang atau kelompok oleh pengkarya. Metafora juga dapat bertegak dengan melalui gambaran, kata dan makna ayat atau maksud disebalik sesuatu perkataan. Sebagai contoh, penggunaan ayat, “Amran, kau ni macam siput la”, disini bermaksud Amran melakukan sesuatu kerja sangat perlahan yang diumpamakan seperti “siput”.
- ii. Penggunaan unsur metafora biasa digunakan oleh pengkarya untuk menggambarkan sesuatu isu dengan lebih menarik di dalam jalan penceritaannya. Malah ada juga pengkarya yang menggambarkan penggunaan unsur metafora secara sinis terhadap keadaan isu semasa yang berlaku disekelilingnya. Oleh itu, tidak hairanlah kesan negatif dan positif semestinya wujud terhadap perkembangan sosial dan politik kerana setiap manusia mempunyai perspektif yang berbeza untuk menilai sesuatu perkara dengan lebih adil.

iii. Secara umumnya, karya berbentuk Pop Surealisme masih relevan kerana pada masa kini pelbagai aliran masih wujud dan diguna pakai oleh ramai artisan seni di dunia untuk menghasilkan karya. Oleh itu, tidak hairanlah jika aliran Pop Surealisme kini masih ditegakkan dan diketengahkan oleh para pengkaryawan tempatan dan luar negara. Dengan adanya unsur seperti metafora, sarkastik, naratif dan simbolik yang sentiasa digunakan oleh pengkarya Pop Surealisme untuk menimbulkan keutuhan sifat dalam sesuatu karya agar kelihatan lebih menarik penceritaanya.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian pustaka merupakan bahagian pengumpulan sumber-sumber yang diperolehi dan dijadikan sebagai rujukan yang digunakan di dalam kajian ini. Pengkaji mengumpul pelbagai maklumat untuk dijadikan rujukan yang berkaitan dengan penggunaan unsur metafora. Pengkaji akan menghasilkan catatan media campuran berbentuk Pop Surrealism dengan menggunakan sesuatu isu komentar sosial serta dikaitkan bersama teori-teori yang berkaitan dalam kajian ini. Kajian pustaka ini lebih berpandukan bahan bacaan seperti jurnal, artikel, internet dan sebagainya. Kajian pustaka dibuat bertujuan untuk mengukuhkan dan menguatkan lagi dapatan data maklumat terhadap penyelidikan yang dikaji.

2.2 METAFORA

Definisi metafora adalah berasal dari perkataan Yunani yang bererti memindahkan. Dalam maksud yang sama metafora merupakan sesuatu perkara, objek atau benda yang dijadikan sebagai perlambangan kepada sesuatu penceritaan atau tema yang ingin disampaikan dalam sebuah karya seni.

Metafora merupakan alat yang diterbalikkan atau dijadikan sebagai satu cerminan atau kiasan terhadap sesuatu dalam menterjemahkan idea untuk menghasilkan sesuatu karya agung oleh artis seni. Oleh itu, bagi sesetengah artis menggunakan metafora secara sindiran juga amatlah penting dan berguna untuk melontarkan komentar terhadap sesuatu isu yang hangat dengan pandangan sinis.

Selain itu, menurut Shakespeare (2000) mengatakan bahawa metafora merupakan sesuatu cara untuk menerangkan dan menggambarkan sesuatu maksud bagi sebuah karya secara ringkas dan mudah dilihat atau ditafsir bagi menggambarkan sesuatu subjek atau objek yang bersesuaian dengan membuat andaian menggunakan objek ini sebagai makna perlambangan sebuah karya. Di sini dapat dilihat bahawa metafora mampu memberikan banyak makna kepada para audien untuk mengetahui isu yang ingin disampaikan oleh pengkarya seni.

Seterusnya, menurut Kamus Dewan edisi ketiga (2000) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, metafora bermaksud pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa ataupun makna sebenar sebagai perbandingan, kiasan atau perlambangan.

Dalam seni rupa, metafora bekerja melalui peminjaman bentuk atau objek untuk menghasilkan sebuah makna. Fungsi metafora dalam seni rupa memberi maksud yang lebih-lebih, negatif atau sebagainya. Misalnya sebuah karya seni lukis telah melukis seekor tikus dengan bentuk menyerupai manusia sedang membawa beg yang dipenuhi wang. Tetapi, maksud yang disampaikan melalui catan tersebut dapat diertikan seorang manusia yang rakus dengan harta duniawi (Audrey, 2018).

Menurut Richards (1936), metafora mengandungi dua bahagian iaitu "*Tenor*" dan "*Vehicle*". Tenor merupakan subjek utama yang mempunyai sifat dan penceritaan sesuatu yang ingin disampaikan manakala Vehicle pula merupakan satu objek yang dipilih untuk dipinjamkan kepada subjek utama kerana Vehicle ini mempunyai sifat-sifat atau persamaan dengan cerita subjek utama. Ini bermakna pengkarya menghasilkan sesuatu idea dan lebih fokus untuk mencerminkan maksud yang ingin disampaikan di dalam karya agar tidak terus memberi gambaran asal yang dipikirkan oleh artis. Ini juga membuatkan para audien lebih banyak masa untuk berinteraksi dan memahami apa yang terkandung di dalam sesuatu karya.

Metafora sebenarnya tidak bertapak di atas makna semata-mata tetapi tertumpu kepada penggunaan metafora tersebut (Davidson, 1978). Metafora sangat berfungsi dalam seni catan mahupun media lain untuk memberikan satu ilustrasi sesuatu topik yang hendak disampaikan dan penggunaan metafora dapat membuat pengkritik seni dapat mentafsir dan menilai sesuatu karya dengan merangsang minda terhadap visual karya daripada artis.

Di samping itu, menurut Apandi dan Ibrahim (2018), metafora pula dianggap satu bahasa kiasan yang paling kerap digunakan sehingga menjadi perantaraan sesuatu alat atau objek sebagai landasan ke atas perlambangan bagi menyampaikan maksud dalam menghasilkan sesuatu karya seni. Sehubungan itu, metafora juga dijadikan bahasa komunikasi, dengan pemilihan subjek metafora dalam karya boleh dijelaskan dengan cara bahasa kiasan atau bahasa yang lebih halus untuk disampaikan kepada orang ramai sekiranya ingin menerapkan unsur nasihat, sindiran dan teguran dalam karya.

Tambahan, dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan haiwan atau binatang dan serangga dijadikan sebagai subjek utama di dalam penghasilan karya untuk dikaitkan dengan sesuatu isu sosial yang diterjemahkan secara nasihat atau sinis bagi wujudkan unsur penggunaan metafora atau kiasan dalam sesebuah penceritaan. Kajian ini juga menekankan penggunaan haiwan sebagai kiasan. Hal ini dapat merujukan kepada haiwan yang mempunyai persamaan terhadap tingkah laku atau perangai seakan manusia.

Kesimpulannya, bagi sebuah penceritaan dalam karya dan penggunaan subjek sebagai metafora dalam karya oleh para seniman perlu peka dari segi sensitiviti sesuatu maksud bagi pemilihan subjek metafora dan perlambangan yang disampaikan perlu mengikut kesesuaian. Pemilihan subjek yang tepat sebagai metafora dalam karya lebih mendalam tentang maksud yang ingin disampaikan oleh artis dapat memberi impak yang tinggi kepada pengkritik seni untuk dibahaskan dan dibincang oleh mereka.

2.3 KOMENTAR SOSIAL

Komentar sosial dalam kajian ini merupakan salah satu isu yang biasa diguna pakai oleh kebanyakan pengkarya. Dalam penghasilan idea tercipta kandungan untuk melontarkan balik dengan nasihat atau teguran daripada pandangan pengkarya. Selain itu, komentar sosial juga banyak pecahan isu dan istilah, antaranya yang biasa dilihat daripada sudut pandangan politik dan sosial.

Komentar sosial bersifat secara langsung dan harfiah atau disampaikan dengan cara kiasan melalui simbol, gambar dan cerita sehingga penafsiran mesej yang digambar dalam karya terserah kepada pembaca atau penonton untuk menilainya (Fuller, 2020).

Menurut pendapat Wimmer dan Perry (2015), karya berbentuk komentar sosial dalam kesusasteraan juga didefinisikan sebagai satu kerja mengkritik atau lebih daripada aspek masyarakat untuk menonjolkan kekurangan mereka dan mengharapkan ideanya dapat mencegah sesuatu perkara daripada berlanjutan. Tambahan, komentar sosial juga merangkumi daripada aspek budaya, politik atau agama dalam masyarakat.

Selain itu, komentar sosial juga didefinisikan sebagai tindakan mengekspresikan pendapat atau pandangan kritikal terhadap kompleks sosial dan realiti politik menggunakan kaedah retorik untuk menghasilkan komentar terhadap sebarang isu masyarakat (Kamaruzaman, 2016a).

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), kaedah retorik yang digunakan melalui Aristotle dalam tulisannya “*Rhetoric, Book 1*”, iaitu retorik mampu bertindak sebagai cara menentang kepalsuan dan kesalahan demi mendaulatkan kebenaran dan keadilan, membenarkan perbincangan awam apabila mustahil mendapatkan bukti mutlak, mendedahkan falasi dan menyemai kebiasaan melihat kedudukan kedua-dua belah pihak dan akhir sekali mempertahankan diri.



2.4 POP SUREALISME

Pop surealisme dalam kajian ini merupakan salah satu tema atau aliran dan gaya seni yang dibawa oleh para karyawan untuk berkarya dengan lebih beremosi dan menjadikan satu persembahan lebih menarik. Pop Purealism juga merupakan tema atau gaya aliran ke arah lebih moden dalam penghasilannya.

Pop Surealisme atau Seni Lowbrow adalah gerakan seni visual yang muncul di kawasan Los Angeles, California pada akhir 1970-an. Akar persembahan daripada "subkultural" merupakan pengaruh daripada komik bawah tanah, para seniman menarik inspirasi dari kartun klasik, muzik punk, seni pulp, filem seram "B", anime Jepun, budaya tiki, budaya surf, pornografi lembut, graffiti dan budaya hot rod di jalanan. Istilah surealisme lowbrow dan pop digunakan secara bergantian. Lowbrow juga selalunya humor, sarkastik, atau ironis (Rende, 2018).

Selain itu, kadang-kadang semua jenis karya seni itu lucu dan nakal dengan cara yang menggembirakan. Ada kalanya humornya juga cukup sarkastik untuk menyampaikan sesuatu pesanan kepada audien. Daripada definisi ini dapat disimpulkan bahawa tidak hairan jika aliran gaya Pop Surealisme menjadi terkenal kerana terdapat dua elemen aliran seperti Pop art dan Surrealism. Ini kerana banyak catan dan lukisan karya pop surelisme dipersembahkan dengan pelbagai gaya dan sebilangan besar karya Pop Surrelisme adalah berbentuk catan walaupun terdapat juga mainan, seni digital, patung dan kolaj.

Seterusnya, salah seorang master Pop Suralisme iaitu Robert Williams memaklumkan bahawa idea-idea terbentuk daripada ilustrasi cerita, seni buku komik, fiksyen sains, poster filem, seni muzik dan poster, seni “*psychedelic*” dan punk rock, seni berbasikal, papan luncur, papan selaju, seni grafiti, seni tatu dan seni “*pin-up*” (Bilgi, 2017).

Seterusnya, Pop Suralisme menurut pendapat Kenny Scharf pula adalah mengenai orang yang tidak sedar dan merasakan karyanya mengenai yang tidak sedar seperti dalam rajah 2.1. Contohnya, idea pemikiran yang berasal dari bawah alam sedar kecuali, bawah sedarnya dipenuhi dengan imejan pop. Tambahan beliau, kesedarannya adalah pop, oleh itu seni itu menjadi Pop Suralisme.



Rajah 2.1: Kenny Scharf – “*Happy Happy Joy Joy*”, 2017, cat minyak dan akrilik di atas linen.

Sumber: Gerakiti (2020).

Kesimpulannya, Pop Suralisme adalah perkahwinan ikon budaya pop dengan ketidakjelasan surealisme. Sebagai contoh ikon pop seperti watak Disney atau Marilyn Monroe untuk menyampaikan mesej sosial dan politik yang biasa digunakan oleh para seniman. Gaya ini juga mengingatkan salah seorang daripada Van Gogh, Picasso atau Dali dan artis hebat lain dalam menggunakan teknik dalam catan. Hasilnya adalah karya seni yang indah dan digilap oleh yang orang yang berpengaruh dan mempunyai banyak pengalaman dalam seni (Gerakiti, 2020).

2.5 MEDIA CAMPURAN

Pengkajian bereksperimentasi untuk menghasilkan karya dengan media campuran mengajak audien untuk menghayati serta mendalami setiap perincian hasil karya. Pengkaji merasakan apabila menggunakan media campuran di atas sesuatu karya dapat menarik perhatian para audiens untuk lebih menghayatinya. Media campuran yang boleh digunakan adalah pelbagai dalam menghasilkan atau menggabungkan medium antaranya seperti cat minyak, cat semburan, bitumen, arang dan sebagainya (Kamaruzaman, 2016b).

Pada asasnya, seni boleh dibuat daripada apa sahaja atau gabungan dengan pelbagai perkara. Ketika para seniman mengembangkan sikap yang semakin terbuka terhadap media seni dengan penggunaan media campuran bermula sekitar tahun 1912 mula tersebar luas dengan kolase kubis dan pembinaan Pablo Picasso dan Georges Braque. Merujuk pada rajah 2.2 adalah salah satu contoh karya media campuran oleh Pablo Picasso (Tate, 2020).



Rajah 2.2: Pablo Picasso – “*Bottle of Vieux Marc, Glass, Guitar and Newspaper*”, 1913.

Sumber: Tate (2020).

Antara ciri utama gabungan media campuran adalah akrilik, minyak, krayon, pensil, spray dan sebagainya. Media campuran dengan medium kreatif juga dapat menggabungkan bentuk untuk memasukkan patung 3D dan “*relief*” ke dalam kolaj dan lukisan. Ini membolehkan seni menafsirkan semula dan mengembangkan media tradisional (Arts, 2019). Contohnya, pengkaji boleh menambahkan patung pada catan, lukisan, cetakan atau fotografi.

Media campuran adalah mengenai melanggar batas antara bentuk seni yang berbeza (Artemis, 2020). Dalam pembuatan media campuran, semasa memulakan penciptaan media campuran pertama, sila bermain-main - dan menjadi tidak kemas! Tujuannya adalah untuk mengetahui bagaimana medium dapat berinteraksi antara satu sama lain, jadi jangan takut untuk bereksperimen. Lebih baik pergi terlalu jauh dan menarik kembali karya seterusnya daripada terlalu malu dan tidak pernah tahu apa medium yang anda gunakan. Seperti yang dikatakan oleh Ernest Hemingway, "Tulislah dengan mabuk dan edit dengan tenang." Perkara yang sama berlaku untuk membuat seni media campuran (Team, 2018).

2.6 MODEL KRITIKAN FELDMAN

Dalam dunia seni tidak akan lengkap jika tiada rentetan atau kritikan daripada pihak luar. Sebagai contoh kritikan daripada pihak kurator-kurator seni, para artisan dalam negeri dan luar negara, serta orang awam. Dengan adanya kritikan, pengkarya akan lebih peka untuk menyampaikan keberkesanan sesuatu makna terhadap pandangan sendiri kepada orang luar untuk menghayati sesuatu maksud yang ingin disampaikan itu berjaya atau tidak.

Setelah dikaji, teori kritikan Feldman sesuai untuk membahas dan merungkai sesuatu maksud yang terdapat di dalam sesebuah karya. Dalam teori kritikan oleh Feldman terdapat empat proses model kritikan seni iaitu melalui Deskripsi, Analisis, Interpretasi dan Penilaian. *“Art criticism is a four-step process for using your perception skill get deeply involved in a work of art”* (Ragans, 2005).

Langkah pertama ialah Deskripsi di mana menekankan pemerhatian karya secara keseluruhan untuk mengenali siapa artis yang menghasilkan karya, tajuk karya, medium atau platform yang telah digunakan dan subjek matter yang diketengahkan. Sesuatu yang mudah seperti tajuk boleh mengubah keseluruhan seni rupa daripada catan (Feldman, 1994).

Langkah kedua ialah Analisis yang mana menghubungkan di antara unsur seni dan prinsip rekaan karya tersebut pada latar depan, pertengahan latar dan latar belakang karya, warna berserta lambang warna yang telah digunakan dan juga telah mengkaji samada semiotik, metafora atau ikonografi yang telah digunakan dalam karya tersebut. Menurut (Feldman. 1994 p.26), "*analyzing the facts (dealing with visual evidence) is an advanced type of description*" hanya akan dapat diketahui setelah membuat andaian diskripsi yang pertama iaitu gambaran secara umum sesebuah karya.

Langkah yang ketiga ialah Interpretasi. Pada langkah ini memfokuskan kepada pandangan, idea, dan kritikan audien terhadap karya. Seterusnya, hubungan antara subjek matter dengan platfrom yang digunakan dan sejarah artis yang mempengaruhi persekitaran karya juga telah ditafsir.

Langkah terakhir iaitu langkah empat ialah Penilaian. Audien atau para pengkaji memberi keputusan muktamad bahawa karya tersebut diterima atau sebaliknya dan juga telah memberikan pendapat mahupun pandangan bagi membantu artis mengetahui kekuatan dan kelemahan karya yang dihasilkan. "*Criticism affects what artists make. what the public sees, and what collector buy*" (Feldman, 1994).

2.7 TEORI SEMANTIK (LOGIK SIMBOLIK)

Teori logik simbolik merupakan teori yang dapat menterjemahkan sesuatu maksud, dan bukan sahaja pada tahap atau proses perkataan tetapi turut menganalisis maksud ayat yang disampaikan. Sebagai contoh, apabila seseorang memahami makna ayat yang diberikan, bermaksud ayat itu telah berhubung dengan perlakuan manusia bagi melihat perubahan tingkah laku yang berlaku. Teori logik simbolik fokus terdiri kepada tiga aspek iaitu semantik, sintaksis dan pragmatik. Sehubungan itu, teori logik simbolik juga terdiri daripada asas teori semantik yang lebih lengkap berbanding dengan teori-teori semantik yang lain (Hussin, 2018).

Dari segi semantik, iaitu meneliti perkaitan antara simbol dengan rujukan antara perkataan dengan benda. Rujukan atau benda tidak terhad untuk digunakan di dalam sesuatu bahasa. Sesuatu logo atau simbol dapat merujuk kepada kumpulan benda yang mempunyai persamaan. Contohnya pada perkataan keras hati, apabila dihuraikan satu persatu, ia mempunyai maksud yang berlainan iaitu keras yang bermaksud kuat dan padu yang tidak mudah pecah. Hati pula bermaksud organ dalaman badan. Tetapi jika dihuraikan sekaligus mempunyai makna degil (Fyffa, 2019).

Selain itu, dari segi sintaksis iaitu mengfokuskan perkaitan dengan satu perkataan bersama perkataan lain yang dapat menggambarkan sesuatu maksud. Hubungan ini bersambung ke dalam konteks yang lebih luas kepada frasa atau ayat. Sebagai contoh makan hati, makan merujuk kepada perbuatan iaitu memamah atau menelan makan. Dari aspek bahasa, perkataan hati pula bermaksud organ. Apabila perkataan hati dirangkaikan dengan perkataan makan akan wujud makna lain yang membawa maksud sedang makan

hati ayam, tetapi makan hati ini bermaksud berdukacita atau menderita sebagai kiasan maksud tersebut (Fyffa, 2019).

Terakhir, dari segi pragmatik iaitu menyelidik perkaitan antara simbol atau perkataan bersama perlakuan yang dilakukan oleh seseorang merupakan satu reaksi terhadap maksud perkataan yang ditujukan seseorang. Tanggapan berlainan terhadap ayat atau perkataan oleh individu yang dapat menggambarkan maksud yang dapat diberikan terhadap maksud sesuatu perkataan. Antara contoh perkataan rindu, sayang, benci, akan memberi kesan yang berlainan terhadap seseorang individu, hanya kepada individu yang ditujukan akan dapat menimbulkan perasaan daripada perkataan tersebut.

Oleh itu, banyak tafsiran dapat diertikan terhadap makna sesuatu perkataan atau ayat yang dapat memberi tanggapan yang berlainan terhadap perkataan oleh individu. Sehubungan itu, teori logik simbolik juga memberi bersesuaian sesuatu maksud kerana konteks dan perlakuan seseorang dapat mengiringi sesuatu ujaran. Maksud yang berhubung dengan konteks kebiasaannya lebih tepat kerana konteks merupakan aspek terpenting dalam pentafsiran makna sesuatu ujaran (Hussin, 2018).

Kesimpulannya, melalui penghayatan daripada teori semantik (logik simbolik) yang digunakan untuk mendapatkan makna dari penggunaan unsur metafora yang diaplikasikan berkaitan dengan isu komentar sosial dalam kajian yang dihasilkan.

2.8 ARTIS RUJUKAN

Artis Pop Surrealism yang dijadikan rujukan pengkaji iaitu Visithra Manikam, Shafiq Nordin, Hasanul Isyraf Idris, Konan Lim dan Ruzzeki Harris. Dengan adanya ramai artis rujukan, kajian ini lebih memudahkan pengkaji untuk terus berfikir bagi mendapatkan idea baru yang lebih mantap agar sesuai untuk dipersembahkan pada karya akhir peribadi.

Selain itu, dengan adanya ramai artis rujukan, boleh mencetuskan idea luar kotak untuk penyampaian sesuatu maksud atau perkara, pendapat dan pelbagai teknik bagi menghasilkan sesuatu karya agung dengan mengaitkan sesuatu isu komentar sosial terhadap masalah yang telah berlaku dalam keadaan sekeliling.

Akhir sekali, pengkaji memilih lima orang artis ini kerana, mereka semua mempunyai karya-karya yang hebat yang mampu berdiri dengan teguh apabila dipersembahkan. Selain itu, karya-karya mereka juga mempunyai banyak makna dan perlambangan dalam sesuatu kisah penceritaan. Tambahan, idea dan teknik media di dalam karya mereka juga sangat menarik perhatian pengkaji untuk terus meneroka mengenai kritikan sosial agar dapat memberi kritikan yang lebih berkesan kepada orang ramai.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan tentang kaedah penyelidikan dan proses yang merujuk kepada langkah yang digunakan untuk memastikan tindakan yang sistematik dengan tujuan untuk mencapai objektif kajian. Metodologi amat penting dilakukan bagi sesuatu kajian bagi mengukuhkan sesuatu bukti untuk mencapai objektif kajian.

Kaedah penyelidikan secara kualitatif dipilih oleh pengkaji kerana lebih sesuai dengan kajian ini. Bagi meneruskan kajian, pengkaji menggunakan kaedah kajian penyelidikan kualitatif yang terdiri daripada kaedah soal selidik, dan analisis data bagi memaksimumkan pegumpulan data dengan lebih banyak dan tepat. Manakala data sekunder turut digunakan bertujuan mendapat maklumat kajian lepas yang terdapat di dalam buku-buku rujukan, internet dan katalog.

Menurut Denzin dan Lincoln (1994), penyelidikan kualitatif melibatkan beberapa kaedah secara fokus termasuk menggunakan pendekatan secara naturalistik iaitu secara semula jadi bagi menyelidik sesuatu subjek dengan lebih teliti. Seterusnya, apabila melihat sesuatu permasalahan sosial berlaku, wujud proses yang dikenali sebagai suatu proses inkuiri atau tindakan ke arah pengertian yang ditunjangi dengan kaedah pengumpulan data yang kebiasaan digunakan untuk tujuan penyelidikan (Creswell, 2000).

Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dalam kajian ini. Hal ini adalah untuk mengumpul data daripada orang awam mengenai penyampaian keberkesanan makna dengan menggunakan unsur metafora yang dijalankan oleh pengkaji. Daripada kaedah ini, pengkaji dapat mengumpul data dengan menggunakan aplikasi daripada “google form” bagi mendapatkan data mengenai soalan soal selidik yang diajukan tentang penggunaan metafora dalam catan Pop Surealisme. Oleh itu, kaedah ini sangat membantu pengkaji untuk lebih memahami dan menilai cara penyampaian sesuatu perkara dengan lebih efektif kepada para audien.

Selain itu, pengkaji juga mengumpul sumber data sekunder melalui rujukan internet. Antaranya buku-buku yang terdapat dalam “e-book”, artikel, majalah, laporan mahupun tesis sarjana yang lepas dijadikan sebagai asas permulaan dalam pengkajian ini. Pengkaji juga telah menjalankan kajian penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan kajian dengan pelbagai sumber rujukan internet. Selain itu, dengan adanya pelbagai sumber maklumat yang dikumpul daripada sumber internet dapat meluaskan lagi pengetahuan dan pencarian data oleh pengkaji.

3.2 JENIS DATA

Bahagian ini merupakan cara untuk mengumpul jenis data yang digunakan bagi menjalankan kajian ini dengan melibatkan data sekunder dan kaedah soal selidik.

3.2.1 DATA SEKUNDER

Bentuk data sekunder yang telah dikumpul melalui dengan hasil dapatan sumber data dokumen bertulis melalui sumber internet seperti akhbar, artikel, jurnal, tesis kajian lepas dan buku elektronik yang berkaitan dengan kajian. Seluruh salinan data yang diselidik kembali dicatat dan ditafsir kembali oleh pengkaji dengan pemahaman baharu untuk menjadikan kajian itu lebih berkualiti.


3.2.2 KAEDAH SOAL SELIDIK

Melalui kaedah soal selidik, kajian keberkesanan penyampaian makna melalui penggunaan unsur metafora ke dalam sesuatu isu komentar sosial telah siap dihasilkan untuk mendapat penilaian daripada responden. Oleh itu, beberapa soalan diajukan kepada setiap responden secara umum dengan mengklasifikasikan dua sudut pandangan yang berbeza antara golongan seni dan bukan seni. Dengan pengagihan soalan soal selidik, adalah untuk mendapatkan bukti kesahihan maklumat yang disampaikan melalui karya itu berkesan atau tidak yang dilakukan dalam kajian ini.

3.3 ANALISIS DATA

Pengkaji juga menjalankan analisis data dengan menggunakan 5 buah karya komentar sosial yang telah dihasilkan oleh karyawan Pop Suralism. Kelima-lima karya dijadikan bahan kajian untuk mengenalpasti, menganalisis dan mengumpul maklumat kajian mengenai penggunaan unsur metafora dengan isu komenar sosial di dalam karya catan. Oleh itu, kajian ini dapat memudahkan pengkaji untuk memahami dan mengetahui unsur metafora serta maksud yang digunakan oleh karyawan. Tambahan, analisis data juga disertakan dengan menggunakan tiga jenis teori. Iaitu Teori Kritikan Feldman, Teori Ikonografi dan Teori Semantik merupakan alat untuk merungkaikan maksud dan isi-isi yang terdapat di dalam sesebuah karya yang dikaji.


3.4 KERANGKA TEORETIKAL



Rajah 3.1: Menunjukkan carta alir kerangka teoretikal dalam proses menghasilkan karya dan hasil dapatan kajian.

3.5 RAJAH PROSES KAJIAN PENYELIDIKAN


Rajah 3.2 menunjukkan proses kajian yang berlaku dari langkah awal sehingga proses akhir penyelidikan sehingga mendapat hasil kajian. Dalam proses penyelidikan ini dapat menemui masalah yang dikaji dan dibuat andaian serta beberapa persoalan yang boleh menimbulkan tanda tanya terhadap pengkaji untuk terus mengkaji dengan lebih terperinci. Pengkaji turut mengkaitkan dengan kajian lepas untuk melihat perbezaan yang ada serta melihat objektif utama dalam penyelidikan ini. Berdasarkan tujuan, pengkaji turut menggunakan beberapa kaedah dan teori yang berkait dengan isu yang dikaji bagi meneruskan proses kajian untuk mendapatkan data yang mengenai kajian ini.



Rajah 3.2: Proses kajian penyelidikan.

Kesimpulannya, pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpul serta menganalisis kesemua data yang ada. Dengan itu, keseluruhan hasil kajian penyelidikan yang dicari dapat mencapai objektif utama bagi menyiapkan penyelidikan ini.

3.6 RAJAH CARTA ALIR KAJIAN PENYELIDIKAN



Rajah 3.3: Carta alir kajian penyelidikan.

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Dapatan kajian merupakan hasil yang telah diperolehi daripada hasil menganalisis dan mengenalpasti kajian dengan melalui metodologi kajian diatas. Disini pengkaji akan memberikan data dengan lebih tepat dan terperinci bagi menghasilkan sebuah karya serta keberkesanan penggunaan unsur metafora ke dalam sesuatu isu sosial.


Tajuk karya yang dipilih oleh pengkaji ialah “*IGNORED?*” dalam bahasa melayu bermaksud “tidak dihiraukan?”. Dalam karya ini pengkaji akan fokus pada subjek utama iaitu seekor keldai yang mempunyai mata yang panjang tambahan dengan beberapa subjek sokongan untuk mengekspresikan pandangan terhadap masyarakat yang tidak menghiraukan tentang bahayanya penyakit atau virus Covid-19 yang kian melanda seluruh dunia sejak awal bulan Mac tahun 2020.

Selain itu, dalam bab ini juga, pengkaji akan menyatakan dengan lebih jelas tentang hasil analisis data daripada karya-karya artis pop surrealism dengan menggunakan teori Feldman. Tambahan itu, hasil karya yang telah dibuat ini dijadikan kajian utama untuk melihat keberkesanan penggunaan unsur metafora dalam isu sosial yang mengenai masyarakat dalam kajian ini.

4.2 HASIL ANALISIS DATA DARIPADA KARYA-KARYA POP SUREALISME YANG MENGANGKAT ISU KOMENTAR SOSIAL DENGAN MENGGUNAKAN TEORI KRITIKAN FELDMAN.

Karya-karya ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur metafora yang digunakan oleh para karyawan. Data ini bertujuan untuk dijadikan sebagai sumber data pemerhatian dan pengetahuan kepada pengkaji untuk menghasilkan karya peribadi dengan lebih berkualiti dengan mempunyai isi yang menarik. Oleh itu, analisis data ini perlu dijalankan dengan menggunakan Teori Kritikan Feldman, yang terdiri daripada Deskripsi, Analisis, Interpretasi dan Penilaian.

1) VISITHRA MANIKAM



Rajah 4.1: Visithra Manikam - Our Malaysia.

Sumber: Koshy (2019).

Deskripsi

Karya yang dihasilkan oleh Visithra Manikam banyak menekan terhadap isu sosial dengan perkauman dan tubuh badan. Tetapi dalam karya di atas, beliau menggambarkan hubungan erat masyarakat majmuk yang wujud di Malaysia. Karya bertajuk “Our Malaysia” telah dihasilkan pada tahun 2018, dengan menggunakan medium akrilik dan bersaiz 76 cm x 61 cm. Jelas terlihat dalam karya ini terdapat 3 susut badan ramping perempuan yang berlainan bangsa dan agama dengan mengayakan pakaian tradisional masing-masing. Antaranya pakaian tradisional kaum India iaitu Saree, pakaian tradisional Melayu iaitu Kebaya dan pakaian tradisional kaum Cina iaitu baju Cheongsam.

Analisis

Analisis yang dikenalpasti dalam karya “Our Malaysia” ialah bermetaforakan figura 3 orang perempuan kepada perlambangan keakraban masyarakat majmuk. Dalam karya ini, latar hadapan jelas terlihat perempuan berbaju Kebaya warna kuning. Selain itu, pada latar tengah dua orang perempuan yang berbaju Saree dan Cheongsam berwarna merah. Manakala pada latar belakang berwarna biru gelap dengan berlatarkan motif flora iaitu bunga.

Seterusnya, setiap baju yang dipakai oleh perempuan bermata besar itu mempunyai motif yang berlainan yang menunjukkan kelainan kepercayaan dan budaya, serta mempunyai sifat baik dengan bersalaman antara satu sama lain. Jelas dalam karya ini menggunakan warna yang terang dan teguh seperti warna bendera Malaysia iaitu warna merah, putih, biru, dan kuning, kecuali warna hijau. Setiap warna yang digunakan oleh beliau merujuk terhadap bendera Malaysia yang melambangkan negara majmuk dengan pelbagai kaum hidup bersama.

Selain itu, karya ini juga dijadikan sebagai simbolik kepada seluruh rakyat Malaysia dan luar negara untuk menunjukkan keakraban hidup berbilang kaum di Malaysia. Beliau menggunakan warna yang cantik dan berani, walaupun mempunyai mata besar dan bentuk badan yang tidak sempurna di dalam karyanya masih kelihatan kukuh.

Interpretasi

Melalui interpretasi dalam karya “Our Malaysia” menggambarkan ciri-ciri kemanusiaan yang cukup tradisional dengan memakai pemakaian tradisional dengan mengikut bangsa mereka sendiri. Selain itu, pengkaji berpendapat dalam masyarakat yang terobsesi dengan citra tubuh dan ditandai oleh rasa takut akan lemak. Keyakinannya telah melonjakkannya untuk membuat platform yang dia harapkan dapat memicu dialog mengenai penerimaan dan positif tubuh pada masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa di Malaysia.

Penilaian

Penilaian yang dalam karya “Our Malaysia” oleh Vasithra berjaya dengan menunjukkan gambaran dan nilai keakraban perkauman yang terdapat di Negara Malaysia dapat menyatupadukan rakyat serta memperkukuhkan daripada berlakunya masalah sosial daripada sebarang isu perkauman.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2) SHAFIQ NORDIN



Rajah 4.2: Shafiq Nordin - The Great Denier, 2016.

Sumber: Homarttrans (2016).

Deskripsi

Seterusnya, iaitu Karya oleh Syafiq Nordin yang bertajuk karya “The Great Denier” telah dihasilkan pada tahun 2016 dengan menggunakan medium akrilik di atas canvas jute dan bersaiz 153cm x 153cm. Dalam karya “The Great Denier” jelas dapat dilihat dalam karya tersebut ialah figura seorang budak perempuan dengan kepalanya yang dibungkus dengan plastik atau kain hitam. Kebanyakan karya hasil Shafiq Nordin berfungsi sebagai metafora untuk menyuarakan sesuatu isu untuk mendesak kapitalisme, imperialisme dan sisi negatif lain dari keadaan manusia (Maganathan, 2018).

Analisis

Karya ini mempunyai latar bahagian depan dapat dilihat seekor haiwan pelik seperti katak gergasi yang dimanipulasi kelihatan seperti tab di bilik mandi. Selain itu, pada bahagian latar tengah pula menunjukkan figura seorang budak perempuan kelihatan sedang menari. Manakala pada bahagian latar belakang pula menampakkan seperti kawasan hutan yang gelap berserta beberapa ekor lebah berkepala serigala yang dijadikan sebagai subjek sokongan di dalam karya ini.

Jelas dapat dilihat dalam karya ini, subjek yang bermetaforakan dengan figura seorang budak perempuan yang mempunyai naluri penakut namun tetap berani dalam menghadapi pelbagai cabaran yang menimpa ke atas dirinya. Shafiq Nordin membina watak dan senario khayalan yang paling tidak masuk akal dalam lukisannya (Chua, 2018).

Interpretasi

Di samping itu, melalui interpretasi, dalam karya ini telah menunjukkan masalah sosial yang dihadapi oleh kalangan masyarakat dengan sindiran terhadap manusia. Pendapat pengkaji karya ini dapat memberi kesan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat ramai bahawa sesuatu perkara yang kita suka, tidak semestinya orang lain juga turut menyukainya.

Selain itu, karya ini juga jelas menampilkan ikonografi dengan perkataan “TAK SUKA” pada badan figura budak tersebut. Gambaran itu memberi dan menaikkan daya pemikiran yang tinggi kepada para audien untuk menilai dengan lebih dalam serta memberikan maksud sebaliknya.

Penilaian

Kesimpulannya, hasil penilaian karya “The Great Denier” oleh Syafiq Nordin ini berjaya menggunakan unsur metafora dan jelas menunjukkan bahawa satu komentar sosial yang agak sinis kepada masyarakat. Oleh itu, karya ini dapat dinilai dan membawa maksud penafian terhadap sesuatu perkara atau benda yang berlaku dalam kehidupan seharian walaupun ditentang dengan pelbagai rintangan tetap diperjuangkan.

3) HASANUL ISYRAF IDRIS



Rajah 4.3: Hasanul Isyraf - Tajuk Parasoul, 2014.

Sumber: Invaluable (2021).

Deskripsi

Karya Hasanul Isyraf yang bertajuk Parasoul yang telah dihasilkan pada tahun 2014 dengan menggunakan media campuran seperti Mutiara, batu semi, “Rhinestones”, dakwat, akrilik, kerang laut, cat enamel, glitter di atas kertas yang bersaiz 152.4 cm x 152.4 cm (Artinasia, 2021). Secara umumnya subjek matter yang terdapat di dalam karya ini jelas terlihat gambar figuratif seakan manusia dan bentuk haiwan yang pelbagai. Tambahan, figuratif yang agak jelas dilihat dengan penampakkan susuk tubuh perempuan yang digabungkan dengan haiwan.

Analisis

Seterusnya, catan ini keseluruhan bermain warna dengan gaya “pyschedelics” atau warna halusinasi pada bahagian depan dan belakang dengan pemandangan yang menimbulkan mod dalam pemikiranya bersama emosi. Antara warna yang terdapat dalam karya Parasoul ialah warna jingga, hijau, biru, putih, ungu, kuning, terkois dan hitam. Warna itu semua sangat bermain peranan untuk menimbulkan subjek dan objek yang terdapat di dalam karya ini. Jelas Hasanul menggunakan unsur metafora binatang sebagai tindakan atau sesuatu cerminan kepada sikap dan perbuatan manusia dalam kalangan masyarakat kini dengan pelbagai sifat dan tingkahlaku yang digambarkan dalam karya ini.

Interpretasi

Melalui Interpretasi dalam lukisan ini kemungkinan untuk menyampaikan maksud kepada seluruh masyarakat sosial terutama kepada para wanita. Sehubungan itu, kebanyakan wanita di luar sana sengaja melakukan tingkah laku yang buruk untuk mendapatkan perhatian terutama dalam kalangan media sosial. Perbuatan ini diumpamakan sama seperti haiwan yang tidak mempunyai akal dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah malah hanya dapat memburukkan imej sendiri dan mereka kebanyakan tidak ada rasa malu dengan melakukan tingkah laku yang buruk dan keji demi meraih tontonan dan pengikut yang ramai. Lukisan oleh Hasanul yang digambarkan melalui figuratif manusia dicerminkan sebagai haiwan yang seakan sama sifatnya. Kesimpulannya, kemungkinan maksud ingin disampaikan oleh Hasanul untuk menyeru

kepada manusia menjadi lebih baik daripada sifat haiwan yang digambarkan dalam karyanya.

Penilaian

Kesimpulannya, hasil karya bertajuk Parasoul oleh Hasanul ini sangat berjaya dengan melontarkan kritikan sosial kepada para audien dengan menggunakan unsur metafora haiwan yang dijadikan sebagai gambaran kepada tingkahlaku manusia yang tidak bermoral dan tidak senonoh yang sering dilakukan dalam media sosial dan tempat awam.

4) KONAN LIM



Rajah 4.4: Konam Lim - “Will You Miss Me Someday?”, 2019.

Sumber: Surrealismtoday, (2021).

Deskripsi

Karya Pop Suralisme oleh artis Konan Lim yang bertajuk “Will You Miss Me Someday?” yang telah dihasilkan pada tahun 2019. Saiz catan ini adalah 100 cm x 72 cm dengan menggunakan medium cat minyak di atas canvas. Dalam lukisan ini jelas terlihat subjek utama iaitu dua badan budak perempuan yang berkepala kucing sebelah kiri manakala sebelah kanan berkepala tengkorak yang sedang duduk bersama di atas kerusi sofa dengan berpakaian seperti budak perempuan.

Analisis

Selain itu, analisis yang dikenal pasti dalam karya pada “Will You Miss Me Someday?” dengan penggunaan warna dalam lukisan ini jelas terlihat Konam Lim telah menggunakan warna dengan menimbulkan mood yang agak suram untuk menggambarkan keadaan yang dirasakan olehnya sendiri ketika kecil dengan konsep ruang yang terdapat di dalam catan ini. Pada latar bahagian hadapan jelas terdapat dua badan budak perempuan yang berkepala kucing dan berkepala tengkorak kucing.

Manakala, pada bahagian bawah kerusi sofa terdapat seekor arnab yang mempunyai badan yang panjang sangat pelik. Pada bahagian latar tengah terdapat Jam tergantung pada bahagian dinding di dalam lukisan itu serta pada jam itu turut mempunyai “locking” yang digantikan dengan organ dalaman iaitu paru-paru. Kemungkinan paru-paru itu dilambangkan sebagai waktu yang terus bergerak atau bernyawa dan akan sampai masanya akan terhenti sendiri.

Dalam lukisan ini sangat jelas artis ini bermain dengan unsur metafora untuk membawakan sesuatu maksud atau perlambangan terhadap sesuatu perkara yang ingin disampaikan oleh beliau. Jika dilihat dalam karyanya juga terdapat seekor rama - rama dan beberapa serangga lain yang tidak asing membawa sesuatu maksud atau simbol kepada kecantikan atau kehidupan harmoni yang tidak akan kekal lama di dunia.

Interpretasi

Seterusnya, melalui interpretasi karya “Will You Miss Me Someday?” ini sangat memberi pengajaran dan nasihat kepada masyarakat sosial untuk saling mengingati antara satu sama lain dengan menggunakan pelbagai unsur metafora di dalam lukisannya. Masa terus berdetik tanpa henti yang membezakan kita sebagai manusia yang mempunyai jalan tersendiri apabila meningkat usia. Artis Lim juga sengaja menggambarkan nostalgia beliau sewaktu kanak-kanak melalui lukisan dengan perwakilannya. Karya-karya itu bermain di luar batas keseronokan dan kelucuan yang berlebihan tetapi dengan sesuatu yang aneh yang menyedihkan meresap suasana.

Penilaian

Kesimpulannya, dengan adanya penggunaan unsur metafora yang aneh dapat memberi kesan dengan menghayati untuk mendapatkan maksud apa yang digambarkan oleh artis. Oleh itu, penggunaan metafora dan simbolik dalam karya ini berjaya dan dapat menimbulkan tanda tanya kepada para audien untuk menilainya dengan lebih mendalam terhadap maksud sebaliknya yang disampaikan mengenai isu sosial.

5) RUZZEKI HARRIS



Rajah 4.5: Ruzzeki Harris - Imprisoned, 2016 - Oil & Spray Paint on Canvas, 130cm x 130 cm.

Sumber: Artemis (2020).

Deskripsi

Karya Pop Surrealism oleh Ruzzeki Harris yang bertajuk “Imprisoned” dalam siri “GONE VIRAL” yang telah dihasilkan pada tahun 2016 dengan menggunakan media campuran iaitu medium cat minyak dan cat spray di atas kanvas bersaiz 130 cm x 130 cm. Dalam karya ini terdapat objek manusia dan sangkar burung di bahagian kepala seorang budak yang sedang asyik bermain peralatan canggih seperti gajet.

Analisis

Analisis daripada karya “Imprisoned” sangat jelas isu komentar sosial yang dilontarkan dengan gaya sindiran dan penghayatannya menggunakan unsur metafora. Unsur metafora dalam karya ini terdapat sangkar burung yang dijadikan sebagai perangkap terhadap manusia yang terlalu taksu akan gadget dan permainan maya. Selain itu, dalam karya ini juga terdapat objek iaitu figura seorang budak lelaki yang sedang mengasyikkan bermain telefon pintar dengan berpakaian baju singlet yang bercorak seakan bendera amerika serta memakai topi diatas kepala yang bercorak menyerupai “Iron-Man”. Seterusnya, penggunaan warna dalam catan ini tidak terlalu banyak, kemungkinan pengkarya lebih mengfokuskan riak wajah objek yang ketagih dengan penggunaan media sosial atau permainan maya secara obeses.

Interpretasi

Melalui interpretasi, karya “Imprisoned” lebih jelas terlihat maksud yang ingin disampaikan kepada para audien sebagai satu nasihat atau pesanan kepada masyarakat sosial yang tergilakan terhadap alat gadget. Mesej dalam karya ini merupakan satu perumpamaan atau cerminan kepada audien untuk lebih peka dan memahami dengan jelas apa yang digambarkan subjek yang besertakan tipografi pada bahagian atas dalam hasil karya ini.

Penilaian

Kesimpulannya, karya bertajuk “Imprisoned” oleh Ruzzeki Harris berjaya menyampaikan mesej dengan menggunakan unsur metafora untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat yang terlalu taksib akan penggunaan media sosial atau permainan alam maya yang diumpamakan seperti berada di dalam sangkar. Oleh itu, karya ni sangat memberi kesan yang positif kepada audien dan masyarakat untuk menyedari bahawa apa yang berlaku pada keadaan sekeliling kita.

Secara tuntasnya, dengan menggunakan teori kritikan Feldman sangat membantu pengkaji untuk menjelaskan hasil karya dengan mengenalpasti dan menganalisis isi-isi serta pelbagai unsur metafora yang terdapat daripada kelima-lima karya yang dihasilkan oleh para artisan Pop Surrealism. Kelima-lima karya itu memainkan peranan masing-masing dalam membangkitkan sesuatu isu sosial berkaitan hubungan kemasyarakatan dapat menimbulkan sikap kesedaran yang tinggi kepada diri sendiri serta kepada orang ramai yang menghayatinya. Bahawanya setiap masalah yang diutarakan pasti mempunyai jalan penyelesaian untuk menjadikan keadaan lebih jernih.

4.3 PROSES MENGHASILKAN KARYA

Pengkaji menghasilkan lukisan Pop Surealisme berkaitan dengan isu sosial yang telah berlaku di dalam Malaysia semasa PKP 1.0 ketika seluruh dunia dilanda penyakit virus berjangkit iaitu Covid-19. Oleh itu, pengkaji ingin melontarkan kritikan terhadap isu tersebut.

Dalam proses menghasilkan karya, pertama sekali, pengkaji menghasilkan lakaran awal terlebih dahulu untuk menentukan idea, ruang, komposisi, warna dan media yang bakal digunakan mesti bersesuaian dengan tema dan topik yang ingin dilontarkan ke dalam lukisan.

Seterusnya, dalam proses lakaran awal, pengkaji turut meneroka subjek dan objek yang bersesuaian untuk digunakan dan digambarkan dengan pelbagai jenis maksud metafora yang wujud di dalam karya bagi menyampaikan makna yang terdapat disebaliknya isu yang diceritakan. Lakaran idea yang kedua menjadi pilihan pengkaji untuk menghasilkan karya akhir.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.3.1: Lakaran idea pertama.



Rajah 4.3.2: Lakaran idea kedua.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Dalam proses ini juga, pengkaji telah membuat penilaian terhadap diri sendiri dalam menghasilkan sesuatu makna dan unsur metafora terhadap topik mengenai masalah dalam masyarakat, politik dan sosial di negara Malaysia yang telah berlaku semasa PKP 1.0 pada tahun 2020.

Selain itu, setelah siap lakaran idea, pengkaji terus membuat pilihan, dan memilih satu lukisan akhir untuk menggambarkan isu yang dipilih untuk menjalankan proses pembuatan karya akhir. Tambahan, dalam proses menghasilkan karya juga perlu memilih bahan media yang tepat. Hal ini disebabkan, bahan media juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi hasil karya.

Oleh itu, kesan sampingan daripada bahan media yang digunakan di atas kanvas akan menyerikan permukaan di atas kanvas serta dapat memberikan sesuatu maksud yang ingin disampaikan kepada audien. Bahan media campuran yang digunakan dalam menghasilkan karya ini adalah cat akrilik, cat spray, pen dan dakwat marker serta bitumen. Karya ini bersaiz 71cm x 97cm.

Proses seterusnya, pengkaji menggunakan media cat spray untuk dijadikan latar belakang utama sebelum lapisan cat akrilik ditindan. Lapisan pertama karya disembur dengan dua lapisan warna ungu cerah dan merah cerah untuk dijadikan sebagai kesan “gradient” pada bahagian pertengahan. Setelah kering lapisan tersebut, pengkaji menggunakan cat spray dengan mengawal kepala ‘can’ iaitu kepala penyembur untuk mendapatkan kesan percikan dan tompokkan daripada tempat yang tinggi.




Rajah 4.3.3: Proses menghasilkan latar belakang lukisan dengan menggunakan cat spray.




Rajah 4.3.4: Hasil latar belakang yang telah siap disembur dan dipercikkan dengan menggunakan cat spray.

Seterusnya, setelah siap warna latar belakang, pengkaji mula melukis lakaran di atas kanvas karya akhir dengan menggunakan pensil dan maker agar dapat penanda dan kesan yang legam dan mudah untuk bila untuk diwarnakan subjek dan objek di dalam kanvas.




Rajah 4.3.5: Proses melakar awal dengan menggunakan media pensil dan pen maker.

Pengkaji menggunakan cat akrilik untuk mewarna kanvas dalam proses karya akhir ini. Pengkaji mewujudkan dua ton warna pada setiap warna yang digunakan dia atas kanvas tersebut. Warna cerah dan warna gelap wujud dengan menggunakan warna yang sama dengan campuran warna putih dan hitam untuk menjadikan dua ton yang berbeza.




Rajah 4.3.6: Proses awal mewarna, memasukkan warna yang cerah dan kemudian ditindih dengan warna yang gelap untuk memberikan kesan yang kontra dengan menggunakan dua warna ton.

Selesai menwarna dengan menggunakan akrilik, seterusnya pengkaji menggunakan media pen marker untuk menegaskan garisan tertentu agar lukisan itu kelihatan lebih gagah dan kuat. Wujud warna yang gelap, pengkaji menindan dengan bahan campuran seperti bitumen untuk menjadikan kesan itu kelihatan lapuk dan lama dengan apa yang ingin dimaksudkan dengan masalah isu yang diceritakan.



Rajah 4.3.7: Proses memasukkan garis luar dan dalam untuk dijadikan sebagai penegas kepada objek depan.



Rajah 4.3.8: Kesan bitumen terlihat lebih gelap pada kawasan yang cerah pada subjek bunga dan kuda.

Akhir sekali, dalam proses penghasilan karya akhir ini, pengkaji juga menjadikan dua bahagian di dalam lukisan ini, terdapat subjek dan objek yang berwarna serta tidak berwarna. Pengkaji untuk membezakan dua perkara dihadapan dan dibahagian belakang. Dalam proses ini, pengkaji sentiasa bermain dengan prinsip dan elemen seni dalam menghasilkan karya akhir. Antaranya warna, bentuk, ruang, garisan dan sebagainya. Setelah berulang dengan proses yang sama mengecat subjek dan objek yang lain, maka siaplah karya akhir.



Rajah 4.3.9: Hasil catan karya akhir.

MALAYSIA
KELANTAN

4.4 KENYATAAN ARTIS

Karya bertajuk “Ignored?” merupakan kritikan sosial terhadap masyarakat semasa dalam Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP1.0) yang telah berlaku di Malaysia pada awal tahun 2020. Pada waktu itu, telah berlaku banyak perkara yang menggugat keamanan di dalam negara. Terutamanya berlaku kes seperti penindasan terhadap golongan atasan dan golongan bawahan, wujud golongan yang keras kepala dan degil yang menyebabkan penyakit semakin berleluasa sehinggakan berjangkit kepada orang ramai. Selain itu, kes kematian meningkat hari demi hari, wujud ramai manusia yang meminta-minta pada waktu (PKP 1.0) untuk menuruskan hidup. Oleh itu, bagi pengkarya perkara ini perlu disuarakan demi mencari keadilan dalam kehidupan bermasyarakat, mereka semua bukan tunggul kayu, mereka juga manusia biasa yang mempunyai perasaan. Keldai berwarna biru, mempunyai mata yang panjang, serta lidah yang terjelir merupakan metafora yang digunakan oleh pengkarya untuk menggambarkan perasaan yang tak tertentu apabila melihat ramai manusia yang mengila apabila berlaku (PKP 1.0).

4.4.1 MAKSUD DISEBALIK KARYA

Keldai berwarna biru, mempunyai mata yang panjang, serta lidah yang terjelir merupakan metafora yang digunakan oleh pengkarya untuk menggambarkan perasaan yang tak tertentu apabila melihat ramai manusia yang mengila apabila berlaku (PKP1.0). Hal ini disebabkan, orang kampung tiada pendapatan yang cukup, dan hanya bekerja kais pagi makan pagi berbanding dengan golongan yang bekerja tetap kerajaan. Seterusnya, tompokkan warna di dalam karya ini memberikan maksud banyak masalah yang telah berlaku di dalam masyarakat. Setiap orang mempunyai masalah yang berlainan di dalam kehidupan. Oleh itu, wujudnya tompokkan kecil dan besar di dalam karya akhir ini.

Seterusnya, terdapat pelitup muka yang berterbangan diudara berwarna hijau yang seakan kelihatan seperti duit yang melayang-layang. Terdapat juga beberapa kaki sotong pada bahagian belakang di dalam karya ini, yang kelihatan seperti untuk mengambil pelitup muka daripada udara. Hal ini disebabkan, pengkarya ingin menceritakan bahawanya pelitup muka dan duit merupakan harta yang terpenting pada waktu (PKP1.0). Pada awalnya gejala virus Covid-19, harga pelitup muka yang begitu murah, telah berubah dalam sekelip mata dengan mencecah harga yang tidak masuk akal. Oleh itu, pengkaji menjadikan pelitup muka di dalam karya ini sebagai lambang kepada duit yang terbang melayang tinggi pada waktu (PKP 1.0).

Selain itu, bunga raya tidak lari daripada simbol bunga kebangsaan Malaysia. Bunga itu yang terdiri daripada 3 bangsa iaitu bangsa melayu, cina dan india. Tetapi di dalam karya ini, maksudnya menjadi terbalik kerana belaku (PKP 1.0). Dalam karya ini pengkaji menjadikan bunga tersebut dengan warna panas untuk menunjukkan bahawa kebanyakan orang menimbulkan perasaan begitu marah. Hal ini disebabkan, Polis yang ditugaskan menyaman dengan kompaun memberi yang tidak masuk akal kepada rakyat biasa. Malah berbanding dengan orang politik yang tiada sebarang kompaun dikenakan jika tidak memakai pelitup muka. Disini jelas tidak ada keadilan, malah pihak atasan juga menunjukkan contoh yang tidak sesuai kepada orang bawahan. Sesuatu organisasi yang berpengaruh perlu menunjukkan contoh yang baik kepada pengikutnya.

Seterusnya, garisan di dalam karya ini merupakan sebagai lambang semangat seseorang untuk mengusahakan sesuatu perkara sehingga mencapai sasaran yang dikehendaki. Dalam kisah ini, terlihat ramai rakyat atasan dan rakyat biasa yang berjuang demi sesuap makanan dan bekalan pada awal pkl.0. Selain itu, ubat-ubatan juga tidak ketinggalan yang menjadi bahan sampingan untuk mencegah daripada sebarang penyakit berjangkit.

Akhir sekali, terdapat juga kunci utama di dalam karya ini. Kunci yang merupakan simbol untuk mendapat kebahagiaan atau kesusahan. Lelaki atau perempuan dinasihatkan untuk memilih pasangan yang betul untuk mencapai kebahagiaan untuk masa depan agar lebih sempurna. Hal ini disebabkan, pada awal penularan virus Covid-19, banyak hubungan diantara manusia iaitu pasangan suami dan isteri hidup berpecah belah kerana tidak sanggup untuk mengharunginya dengan masalah yang dihadapi.

4.5 HASIL SOAL SELIDIK BERDASARKAN KARYA PERIBADI.

Berdasarkan soal selidik yang telah diberikan kepada orang awam mengenai hasil karya peribadi yang berkaitan dengan keberkesanan penyampaian makna menggunakan metafora telah mendapat hasil yang amat memuaskan.


Antara soalan soal selidik yang telah diberikan kepada orang awam seramai 31 responden dengan melalui aplikasi sumber “*Google Form*” yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan B.

4.5.1 BAHAGIAN A

Soalan soal selidik pada bahagian A mengenai hasil status responden yang dinyatakan melalui carta pai dibawah:

Soalan 1

Jantina?




Rajah 4.5.1: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi jantina yang menjawab soalan soal selidik di dalam aplikasi “*Google Form*”.

Berdasarkan pada rajah 4.5.1, seramai 31 responden yang menjawab keseluruhan soalan yang diajukan di dalam aplikasi “*Google Form*”. Seramai 31 orang mewakili lelaki adalah seramai 16 orang, manakala selebihnya mewakili perempuan adalah seramai 15 orang.

Soalan 2

Umur?




Rajah 4.5.2: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi angka umur yang menjawab soal selidik mengikut kumpulan umur yang telah ditetapkan.

Pengkaji menetapkan lima kategori umur iaitu angka umur 18-25 tahun, 25-30 tahun, 31-35 tahun, 36-40 tahun dan akhir sekali 41 tahun dan ke atas. Berdasarkan pada rajah 4.5.2 telah menunjukkan hasil kajian ini telah mendapati seramai 25 orang bersamaan 80.60% berumur di antara 18-25 tahun telah menjawab kaji selidik ini. Selain itu, seramai enam orang iaitu 19.40% sahaja yang berumur di antara 25-30 tahun yang telah menjawab soalan ini. Selebihnya angka umur dalam lingkungan 31 tahun dan ke atas adalah 0% kerana tidak menjawab soalan ini.

Soalan 3

Adakah anda sebahagian daripada golongan seni?



Rajah 4.5.3: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi dua kategori iaitu golongan seni dan tidak mengetahui tentang seni.


Dalam kajian ini, pengkaji amat menitik-beratkan dua jenis golongan seni dan tidak seni. Hal ini disebabkan mereka amat penting untuk menilai sesuatu hasil karya yang diajukan pada soalan di bahagian B. Seramai 20 responden bersamaan 64.50% telah menjawab Ya. Peratusan itu telah menjadi bukti bahawa seramai 20 orang adalah sebahagian yang mempunyai latar belakang berindustri seni. Manakala, selebihnya seramai 11 responden bersamaan 35.50% telah menjawab Tidak. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka bukan daripada golongan orang seni.

4.5.2 BAHAGIAN B

Pada bahagian B pula soalan selidik mengenai isu yang berkaitan dengan hasil karya akhir untuk mengetahui keberkesanan penyampaian metafora dalam catan Pop Surealisme melalui aplikasi sumber “Google Form”.

Soalan 1

Adakah anda mengetahui semua jenis aliran seni yang ada di Dunia?




Rajah 4.5.4: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden yang menjawab pada soalan 1 di bahagian B.

Berdasarkan rajah 4.5.4, seramai 20 responden bersamaan sebanyak 65.60% telah memilih jawapan Tidak. Manakala baki seramai 11 responden bersamaan 35.50% telah menjawab Ya. Hasil kajian ini terbukti bahawa ramai yang tidak mengetahui aliran seni yang terdapat di dunia.

Soalan 2

Adakah catan gaya Pop Suralisme ini dapat mempengaruhi emosi anda tentang sesuatu isu yang telah berlaku?




Rajah 4.5.5: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan kedua yang mengenai pengaruh emosi audien berdasarkan karya akhir pengkaji.

Kemudian, rajah 4.5.5 telah menunjukkan hasil soal selidik yang kedua telah mendapati seramai 25 responden sebanyak 80.60% yang telah menjawab Ya. Manakala baki hanya 6 responden sahaja yang telah menjawab Tidak bersamaan 19.40% sahaja bagi soalan ini. Hal ini disebabkan karya dihasilkan oleh pengkaji telah berjaya dapat memberikan ransangan terhadap emosi para audien berkaitan dengan isu semasa yang telah berlaku.

Soalan 3

Adakah catan ini dapat memberikan kesan kritikan kepada diri anda berkaitan masalah politik dan sosial yang telah berlaku di Malaysia pada awal PKP 1.0?




Rajah 4.5.6: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan ketiga mengenai pengaruh emosi audien berdasarkan karya akhir pengkaji.

Seterusnya, rajah 4.5.6 telah menunjukkan seramai 26 responden telah menjawab Ya iaitu sebanyak 83.90%. Manakala bagi yang memilih jawapan Tidak hanya 5 responden bersamaan 16.10% sahaja. Hasil peratusan tersebut mempunyai perbezaan yang besar disebabkan responden mempunyai nilai kritikan di dalam diri terhadap masalah politik dan sosial tetapi hanya mampu memendam masalah tersebut. Justeru, seni tersebut telah membantu mereka meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat yang masih berjuang dengan penyakit berjangkit seperti Covid-19.

Soalan 4

Adakah penggunaan metafora di dalam catan ini berfungsi untuk memberi gambaran derita dan kebodohan sesetengah pihak terhadap isu sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pada awal PKP 1.0?




Rajah 4.5.7: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan keempat.

Kemudian, rajah 4.5.7 telah mendapati seramai 28 responden iaitu 90.30% telah menjawab Ya. Manakala baki 3 responden sahaja yang telah menjawab Tidak iaitu 9.70% sahaja. Soalan ini telah membuktikan bahawa dengan fungsi unsur metafora di dalam catan jelas memberi gambaran kepada para audien untuk menilai dan memerhati terhadap sesuatu makna di sebalik karya.

Soalan 5

Adakah catan ini dapat membantu anda mengingati peristiwa yang telah terjadi kepada rakyat Malaysia pada awal PKP 1.0?




Rajah 4.5.8: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan kelima.

Seterusnya, berdasarkan rajah 4.5.8 menunjukkan seramai 27 responden iaitu 67.70% telah memilih jawapan Ya. Manakala baki hanya tinggal 4 responden iaitu 33.30% telah menjawab Tidak. Dengan hasil yang telah direkodkan, hampir kesemua responden yang masih terkesan dengan peristiwa pada awal Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP 1.0).

Justeru dapat dilihat bahawa PKP 1.0 memberikan impak yang buruk.

Soalan 6

Adakah catan berbentuk Pop Surealisme ini mudah untuk difahami?




Rajah 4.5.9: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan keenam di bahagian B.

Kemudian, berdasarkan rajah 4.5.9 telah mendapati soal selidik keenam seramai 21 responden sebanyak 67.70% yang telah menjawab Ya. Manakala baki seramai 10 responden telah memilih menjawab Tidak iaitu 32.30% sahaja. Berdasarkan hasil data ini telah menunjukkan ramai responden yang mudah untuk memahami catan dalam berbentuk Pop Surealisme.

Soalan 7

Adakah karya ini dapat memberikan kesedaran kepada anda dan para audien yang melihatnya dengan masalah sosial yang telah berlaku dalam negara kita?




Rajah 4.5.10: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden menjawab soalan yang ketujuh.

Seterusnya, berdasarkan rajah 4.5.10 iaitu seramai 29 orang responden bersamaan 93.50% yang telah memilih jawapan Ya. Manakala baki hanya tinggal 2 orang sahaja responden dengan bersamaan 6.50% yang telah menjawab Tidak. Catatan yang dihasilkan oleh pengkaji terbukti dapat memberi kesedaran yang tinggi kepada para audien yang telah melihatnya dengan mengingati kisah yang telah berlaku dalam negara kita.

Soalan 8

Adakah karya ini memberi pengaruh yang buruk kepada para audien setelah melihatnya?




Rajah 4.5.11: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan lapan pada bahagian B.

Rajah 4.5.11 telah mendapati soal selidik yang kelapan ialah seramai 16 responden iaitu 51.60% telah menjawab Ya. Manakala baki seramai 15 responden telah memilih menjawab Tidak dengan bersamaan 48.40% sahaja. Jawapan yang telah dipilih agak ketara oleh responden dan berkemungkinan bahawa hasil karya ini telah memberi banyak tindakbalas untuk menilai dan meneliti dengan kesan yang lebih baik.

Soalan 9

Secara keseluruhannya, adakah karya ini berjaya untuk menyampaikan makna melalui penggunaan metafora kepada anda?



Rajah 4.5.12: Peratusan menunjukkan hasil dan data responden bagi soalan terakhir yang ada pada bahagian B.

Terakhir sekali, berdasarkan rajah 4.5.12 telah menunjukkan seramai 28 responden iaitu 90.30% yang telah memilih jawapan Ya. Manakala 3 responden sahaja dengan bersamaan 9.70% telah menjawab Tidak. Secara keseluruhannya, karya ini telah berjaya mencapai misi objektif. Hal ini disebabkan seramai 28 responden daripada 31 responden telah merekodkan Ya pada soalan akhir. Ini bermakna karya ini telah juga berjaya menyampaikan makna melalui penggunaan unsur metafora kepada para audien yang menilainya.

Kesimpulannya, keseluruhan soal selidik yang telah diajukan kepada beberapa responden amatlah memuaskan dan sangat menepati objektif kajian pengkaji bagi mendapatkan hasil keberkesanan penyampaian makna melalui penggunaan unsur metafora di dalam catan Pop Surrealism mengenai isu sosial yang telah berlaku di Malaysia.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 MANFAAT KAJIAN

Manfaat penyelidikan ini dapat membantu generasi baru untuk dijadikan sebagai rujukan dalam mengkaji kajian yang berkaitan komentar sosial dalam penghasilan catan gaya Pop Suralisme. Kajian ini juga dapat menambah ilmu pengetahuan sebagai sejarah yang perlu diketahui oleh para pelajar seni halus untuk terus menceburi dalam bidang ini.

Seterusnya, manfaat kajian ini juga dapat memberi kemudahan kepada sesiapa yang ingin menghasilkan karya catan berbentuk Pop Suralisme dengan menggunakan unsur metafora di dalam isu komentar sosial secara berkesan. Penyelidikan ini juga penting untuk mengetahui sejauh manakah penggunaan unsur metafora yang diaplikasikan dalam sesebuah karya media campuran yang berbentuk komentar sosial dalam dunia seni.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan boleh memberi pengetahuan yang tepat dan menjadi panduan kepada masyarakat mahupun penggiat seni tentang komentar sosial dalam penghasilan catan Pop Surrealism sebagai satu cara untuk menilai kandungan metafora yang terhasil di dalam karya. Oleh itu, dengan adanya pelbagai sumber rujukan buku, internet dan kajian-kajian lepas dapat mengukuhkan lagi kajian ini serta dapat membantu dan memberi sumbangan dalam menjana idea baru dalam penghasilan karya.

5.2 RUMUSAN

Kajian ini telah dihasilkan dengan memperolehi pelbagai maklumat daripada kajian lepas. Kajian ini telah membuka ruang kepada pengkaji untuk menyelidik dengan lebih mendalam dan lebih teliti berdasarkan objektif kajian. Dalam kajian ini telah membuktikan pencapaian objektif kajian oleh pengkaji untuk menfokuskan tiga bahagian objektif iaitu mengenalpasti, menganalisis, dan menghasilkan karya peribadi untuk melihat keberkesanan penggunaan unsur metafora ke dalam sesuatu isu sosial yang telah berlaku di Malaysia.

Seterusnya, melalui kajian ini, telah memberikan bukti yang kukuh kepada pengkaji dengan menjalankan dua kaedah penyelidikan. Kaedah penyelidikan iaitu dengan menganalisis data lepas mengenai karya-karya komentar sosial dengan menggunakan pendekatan seperti model kritikan Feldman untuk mentafsir maksud-maksud yang terdapat di dalam sesebuah karya. Selain itu, kaedah yang kedua, pengkaji menyediakan borang soal selidik dengan yang terdiri daripada dua bahagian A dan B melalui aplikasi “*Google Form*” yang berkaitan dengan hasil karya akhir pengkaji yang

telah siap dihasilkan. Soalan soal selidik itu telah diberikan kepada 31 orang responden secara umum untuk mendapatkan hasil objektif kajian.

Kesimpulannya, hasil daripada kaji selidik di dalam kajian ini telah membuktikan bahawa karya catan Pop Suralisme yang dihasilkan oleh pengkaji bertajuk “*IGNORED?*” berjaya dapat memberi keberkesanan dalam menyampaikan makna dengan penggunaan unsur metafora ke dalam isu komentar sosial.

RUJUKAN

- Abdulhamid, H. 2015. Retorik: Bahasa itu Indah. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Apandi, W.N.W.M dan Ibrahim, A.R.Y. 2018. Metafora Dalam Seni Kontemporari. *Idealogy*, 3(2) 165-170
- Artinasia. 2021. Diperolehi daripada <http://www.artinasia.com/galleryDetail.php?catID=9999&galleryID=339&view=6&artworkID=31377>
- Artemis. 2020. Ruzzeki Harris. Diperoleh daripada <https://www.artemisartgallery.com/ruzzeki-harris/>
- Amat, M. I. 2017. Tragedi Tahfiz, Dadah dan Masalah Sosial. **Berita Harian**. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2017/09/327430/tragedi-tahfiz-dadah-dan-masalah-sosial>
- Arts, S. 2019. 7 Famous Artists Who Are Known for Mixed Media Paintings. Diperoleh daripada <https://smartartbox.com/blogs/smart-art-blog/7-famous-artists-who-are-known-for-mixed-media-paintings>
- Audrey, E. 2018. <https://www.dictio.id/t/apa-maksud-metaphor-dalam-seni-rupa/40959>
- Bilgi, I. 2017. Lowbrow Art Movement as a Subculture Art and its Effects on Visual Design. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/322348358_Lowbrow_Art_Movement_as_a_Subculture_Art_and_its_Effects_on_Visual_Design
- Budiman, A. 2015. Teori Ikonografi & Ikonologi: Melihat 'Nilai' Gambar Dari Sudut Sejarah. Diperoleh daripada <http://aimbudiman.blogspot.com/2015/01/teori-ikonografi-ikonologi-melihat.html>

Creswell, J, W. 2000. Diperoleh daripada <https://www.psychosphere.com/ACE%20-%20edtt%20article%20by%20Creswell%20on%20validity%20in%20quantitative%20research.pdf>

Dailyart Magazine. Diperoleh daripada <https://www.dailyartmagazine.com/lowbrow-art-subcultural-movement-or-legitimate-art-generation/>

Davidson, D. 1978. What Metaphors Mean. Oxford: Oxford University Press.

Denzin, N. K. dan Lincoln, Y.S. 1994. "Introduction: Entering the Field of Qualitative

Fuller, N. 2020. Understanding Social Commentary. **Lesson Planet.** Diperoleh daripada <https://www.lessonplanet.com/article/language-arts/understanding-social-commentary>

Fyffa. A. 2019. Teori Logik Simbolik. Diperoleh daripada https://prezi.com/p/cuq_3nezay_z/teori-logik-simbolik/

Gerakiti, E. 2020. Lowbrow Art, Subcultural Movement or Legitimate Art Generation?

Hussin, M, A, A, A. 2018. Teori-teori Semantik. Diperoleh daripada <https://cikguafzan96.blogspot.com/2018/02/teori-teori-semantik.html>

Kamaruzaman, N. H. 2016a. Diperoleh daripada <https://www.hmetro.com.my/node/139113>

Kamaruzaman, N. H. 2016b. Diperoleh daripada <https://www.hmetro.com.my/node/140338>

Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MutualArt. 2020. Ruzzeki Harris: Playing GOD. Diperoleh daripada <https://www.mutualart.com/Exhibition/Ruzzeki-Harris--Playing-GOD-/D62F07253142D26D>

Ragans, R. (2005). Alttalk. United States of America: McGraw-Hi II.

Research” dalam Handbook of Qualitative Research, ed. Denzin, N. K. dan Lincoln, Y.S. London: Sage Publication

Rende, M. 2018. What the Heck is Lowbrow Art?. Diperoleh daripada <https://www.oddballartlabs.org/lowbrow-art/>

Richards, I. A. 1936, The Philosophy of Rhetoric, Oxford: Oxford University Press.

Shakespeare, W. 2000. As you like it. New York: Penguin Books

Tate, 2020. Mixed Media. Diperoleh daripada <https://www.tate.org.uk/art/art-terms/m/mixed-media>

Team, F. 2018. The Beginner's Guide to Making Mixed Media Art. Diperoleh daripada <https://www.format.com/magazine/resources/art/beginners-guide-mixed-media-art>

Wimmer, W dan Perry, J. 2015. What is Social Commentary? - Definition, Books & Examples. Diperoleh daripada <https://study.com/academy/lesson/what-is-social-commentary-definition-books-examples.html>